

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (PERUMAHAN)

TARIKH: 13 APRIL 2018

MUKA SURAT: 27

**EKSPLO JUALAN PERUMAHAN - KE ARAH SEJUTA IMPIAN, ALAMI GAYA HIDUP SEJAHTERA**

[FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN/BH]



Sehingga kini, kami menerima 70,000 pendaftaran bagi rumah mampu milik PR1MA di Negeri Sembilan, sekali gus menandakan permintaan tinggi”

**Abdul Mutalib Alias,**  
Ketua Pegawai Eksekutif

Mohamad bersama penerima rumah PR1MA pada Ekspo Jualan Perumahan - Ke Arah Sejuta Impian, Alami Gaya Hidup Sejahtera di Seremban, semalam.

## PR1MA tambah projek bawah RM300,000 untuk B40, M40

➔ Ekspo tawar 21,000 kediaman lokasi strategik di Negeri Sembilan

Oleh Ifwan Tun Tuah  
ifwan@nstp.com.my

▸ Seremban

Sebanyak 21,000 unit kediaman termasuk 17,000 rumah mampu milik ditawarkan pada Ekspo Jualan Perumahan - Ke Arah Sejuta Impian, Alami Gaya Hidup Sejahtera yang berlangsung di Dewan Majlis Perbandaran Seremban (MPS), bermula semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Datuk Abdul Mutalib Alias, berkata 84 peratus atau 17,640 daripada keseluruhan rumah yang ditawarkan berharga RM300,000 ke bawah yang disasarkan untuk golongan berpendapatan rendah (B40) dan pertengahan (M40).

“Projek PR1MA bukan rumah kos rendah, sebaliknya kediaman dijual pada harga lebih rendah daripada pasaran.

“Rumah seperti ini membuktikan komitmen kerajaan untuk memberi peluang kepada golongan B40 dan M40 memiliki kediaman sendiri.

“Sehingga kini, kami menerima 70,000 pendaftaran bagi rumah mampu milik PR1MA di Negeri Sembilan, sekali gus menandakan permintaannya yang tinggi.

“Kita akan bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk memperbanyakkan projek PR1MA,” katanya pada majlis perasmian ekspo itu di sini, semalam.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, menyempurnakan majlis perasmian ekspo lima hari ini yang mempamerkan lapan projek PR1MA di Port Dickson, Se-



Mohamad dan Abdul Mutalib (kiri) melihat replika model perumahan PR1MA dilancarkan semalam.

remban Sentral, Rantau 1 dan 2, Senawang, Seremban Utara, Pedas, Taman Green View dan Kuala Pilah.

Ekspo berkenaan adalah inisiatif PR1MA; Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Jabatan Perumahan Negara; Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M).

Mengulas lanjut, Abdul Mutalib berkata, Negeri Sembilan menyediakan lokasi perumahan strategik kerana terletak berhampiran Kuala Lumpur dan Putrajaya, malah menerima limpahan pembangunan pesat yang berlaku di Lembah Klang.

“Kewujudan infrastruktur dan kemudahan awam seperti lebuh raya serta perkhidmatan kereta api turut memainkan peranan pen-

ting menggalakkan orang dari Kuala Lumpur membeli kediaman di negeri ini, terutama di Seremban,” katanya.

### Bina lebih banyak rumah

Sementara itu, Mohamad berkata, penubuhan PR1MA dan agensi lain yang memberi tumpuan terhadap pembinaan rumah mampu milik membuktikan komitmen kerajaan membantu semua rakyat, terutama golongan B40 dan M40 membeli rumah.

“Harga rumah semakin lama semakin tinggi, menyebabkan kadar sewa juga meningkat, jadi kerajaan mengambil langkah membina lebih banyak rumah yang mampu dibeli golongan terbabit.

“Hasilnya, sambutan diterima amat menggalakkan kerana projek perumahan PR1MA ini dilaksanakan di lokasi strategik dan dileng-

kapi pelbagai kemudahan termasuk rangkaian pengangkutan awam yang cekap,” katanya.

Beliau berkata, seiring Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri juga proaktif dengan memperkenalkan Dasar Perumahan Negeri Sembilan yang mewajibkan pemaju membina rumah mampu milik berharga RM80,000 ke bawah (20 peratus), RM250,000 ke bawah (15 peratus) dan RM400,000 ke bawah (15 peratus) dalam setiap projek yang diluluskan.

Mohamad berkata, kerajaan negeri juga akan melancarkan projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Plus di Bandar Seri Sendayan membabitkan 350 unit rumah teres satu dan dua tingkat, pada 26 April depan, untuk memberi peluang kepada penjawat awam di negeri ini memiliki rumah.